

**ASAS SUMBER-SUMBER ZAKAT DI MALAYSIA:  
SATU PENEROKAAN**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**PROF. MADYA DR. ARIFIN BIN MD. SALLEH  
MASTURAH MA'IN  
ABDULLAH HAJI SAID  
PROF. MADYA DR. ABDUL HALIM MOHD NOOR**

**MAC 2006**

Surat Kami : 600 – UiTMCM (URDC. 5/2)  
Tarikh : 9hb Julai 2004

**Prof. Madya Dr. Arifin Md. Salleh**  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Melaka  
78000 Alor Gajah  
Melaka.

Tuan,

**PROJEK PENYELIDIKAN:  
Sumber Zakat Di Malaysia: Satu Penerokaan.**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka Bil. 6/2004 pada 28hb Mei 2004 telah membuat keputusan:-

- i. Bersetuju meluluskan cadangan penyelidikan yang dikemukakan oleh tuan, Prof. Madya Dr. Abdul Halim Mohd Noor dan Pn. Masturah Ma'in.
- ii. Disarankan supaya skop projek penyelidikan ini disesuaikan dengan kos yang dicadangkan dan meneroka sumber zakat yang baru untuk diperkenalkan.
- iii. Tempoh projek penyelidikan ini ialah **12 bulan**, iaitu mulai **1 Ogos 2004** hingga **31 Julai 2005**.
- iv. Kos yang diluluskan ialah sebanyak **RM19,876.00** sahaja.
- v. Penggunaan geran yang diluluskan hanya akan diproses setelah perjanjian ditandatangani.
- vi. Semua pembelian peralatan yang kosnya melebihi RM500.00 satu item perlu menggunakan Pesanan Jabatan Universiti Teknologi MARA (LO). Pihak tuan juga dikehendaki mematuhi peraturan penerimaan peralatan.
- vii. Laporan kemajuan projek penyelidikan ini hendaklah dimajukan kepada Unit Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan setiap 4 bulan pada bulan April, Ogos dan Disember.


- viii. Kertas kerja boleh dibentangkan dalam seminar setelah 75% deraf awal laporan akhir projek dihantar ke Unit Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan untuk semakan. Walau bagaimanapun tuan perlu membuat permohonan kepada URDC.
- ix. Laporan akhir perlu dihantar sebaik sahaja projek penyelidikan disiapkan. Format laporan akhir boleh diperolehi di Unit Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan.

Bersama-sama ini disertakan tiga salinan perjanjian untuk ditandatangani oleh pihak tuan dan kembalikan ke Pejabat Unit Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**“SELAMAT MENJALANKAN PENYELIDIKAN”**

Yang benar



**PROF. MADYA DR. MOHAMAD KAMAL HJ. HARUN**  
Pengarah Kampus  
UiTM Melaka.

s.k.

1. Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)  
Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (IRDC)  
Universiti Teknologi MARA  
Shah Alam.
2. Ketua URDC  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Melaka
3. Timbalan Bendahari  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Melaka.

Tarikh : 31 Mac 2006  
No. Fail Projek : 600-IRDC/SSP.5/3/1200

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)  
Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam

Ybhg. Prof.,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN 'ASAS SUMBER ZAKAT DI MALAYSIA:  
SATU PENEROKAAN'**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 3 (tiga) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk 'ASAS SUMBER ZAKAT DI MALAYSIA: SATU PENEROKAAN'.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**PROF MADYA DR. ARIFIN BIN MD. SALLEH**  
Ketua  
Proses Penyelidikan

## ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu usaha awal meneroka sumber-sumber zakat yang ada di Malaysia. Motivasi menjalankan kajian ini adalah dalam usaha memahami akan keperluan pemeluasan zakat memandangkan zakat merupakan tunggak ekonomi umat Islam. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan, seminar, tinjauan dan menemuduga mereka yang pakar dan berautoriti dalam bidang zakat. Responden terdiri daripada tujuh Jabatan Mufti, lima ahli akademik dan Pengerusi Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan. Data yang diperolehi telah menjawab objektif kajian. Pertama, mengenalpasti sumber-sumber zakat yang sedia ada di Malaysia iaitu sumber zakat tradisi dan penambahan sumber zakat yang baru seperti zakat KWSP, saham dan pendapatan. Kedua, kesemua negeri melaksanakan fatwa zakat pendapatan pada tahun 1997 kecuali Negeri Perak. Ketiga, majoriti responden berpendapat syarikat PETRONAS wajib mengeluarkan zakat berdasarkan objektif penubuhannya adalah untuk mendapat keuntungan. Keempat, responden juga bersetuju memperluaskan pentafsiran harta yang dikenakan zakat sehingga merangkumi semua jenis harta yang memenuhi syarat-syarat umum. Hasil kajian ini dapat memberikan indikator kepada pihak yang berautoriti agar pro aktif dan menjalankan kajian yang berterusan atas sumber-sumber zakat baru di Malaysia.